

Perayaan semua kaum dirai bersama

KUCHING: Datuk Seri Adullah Badawi, berkata kerajaan akan terus menganjurkan sambutan perayaan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia untuk diraikan bersama oleh rakyat.

Perdana Menteri berkata, meraikan perayaan secara bersama adalah lambang rakyat boleh bersikap toleransi, memperkukuhkan persefahaman dan bersatu di kalangan mereka yang menganuti dan mengamalkan agama berlainan.

"Kita dihormati dunia kerana hakikatnya bukan mudah untuk rakyat berbilang kaum dan agama, hidup bersama bukan saja dalam keadaan aman dan harmoni, tetapi maju bersama-sama," katanya ketika berucap pada majlis Rumah Terbuka Malaysia Gawai Dayak 2006 di Panggung Udara Sarawak di sini malam tadi.

Teks ucapannya dibacakan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr Rais Yatim.